

2.8.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

PBAPP RANGKUL 2 ANUGERAH EMAS UNTUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

- **Tiada kes *lost time injury* (LTI), kemalangan dan kejadian berbahaya selama 3 tahun berturut-turut di dua loji rawatan air Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 2.8.2019: Dua loji rawatan air Pulau Pinang memenangi anugerah emas kerana tiada kes *lost time injury* (LTI), kemalangan dan kejadian berbahaya dicatatkan selama 3 tahun berturut-turut.

Kelmarin, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerima anugerah berikut untuk pencapaian ini daripada Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH):

- **Pemenang “Anugerah Merit Emas MSOSH OSH 2018” untuk Loji Rawatan Air Batu Ferringhi (WTP).** Anugerah ini adalah untuk prestasi “cemerlang” dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi sektor utiliti.
- **Pemenang “Anugerah Emas MSOSH OSH Kelas 1 2018” bagi LRA Bukit Toh Allang.** Anugerah ini untuk prestasi “sangat baik” dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi sektor utiliti.

Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) PBAPP adalah berdasarkan pensijilan antarabangsa OHSAS 18001:2007.

Kedua-dua anugerah ini mengiktiraf piawaian keselamatan yang tinggi yang telah dilaksanakan di LRA berkenaan bagi manfaat kakitangan PBAPP.



Menyedari kepentingannya, sistem pengurusan OSH kami menyokong penyediaan perkhidmatan bekalan air berterusan di Pulau Pinang 24 jam 7 hari seminggu, untuk manfaat 1.77 juta penduduk dan semua perniagaan yang beroperasi di sini.

Sistem OSH ini juga menyokong dasar “tiada catuan air” Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dengan meminimumkan risiko gangguan bekalan air dan masa henti bekalan air.

Juruaudit MSOSH dan OSH

MSOSH adalah badan bebas yang mengeluarkan anugerah prestasi untuk mengiktiraf prestasi OSH dan pencapaian organisasi di Malaysia. Misinya adalah untuk mempertingkatkan dan mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua tempat kerja dan semua industri, bagi menyokong dasar OSH oleh Kerajaan Persekutuan.

Juruaudit panel termasuk wakil dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), SIRIM Berhad, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), MSOSH, syarikat multinasional dan syarikat swasta.

Objektif PBAPP

Objektif utama PBAPP dalam menyertai program anugerah prestasi tahunan MSOSH adalah untuk:

- Membolehkan badan bebas untuk menilai prestasi OSH secara bebas.
- Berkongsi pengalaman dan mengumpul pengetahuan mengenai amalan terbaik terkini dalam OSH, untuk penambahbaikan berterusan sistem pengurusan OSH PBAPP.
- Menanda aras prestasi OSH PBAPP mengikut kriteria dan piawaian MSOSH.



Dua Anugerah Emas MSOSH untuk PBAPP menunjukkan bahawa LRA Batu Ferringhi dan LRA Bukit Toh Allang adalah antara tempat kerja syarikat utiliti paling selamat di Malaysia.

Malah, anugerah ini membuktikan adalah tidak mustahil untuk mengendalikan LRA Pulau Pinang secara optimum, 24/7, tanpa menjejaskan keselamatan kakitangan PBAPP.

PBAPP akan terus menyemak dan menaik taraf sistem pengurusan OSH, sejajar dengan komitmen OHSAS 18001: 2007.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



1.8.2019 : PBAHB & PBAPP CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa receiving the "MSOSH OSH Gold Merit Award" from Tuan Haji Ir. Omar bin Mat Piah (Director General, Department of Occupational Safety and Health).



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



1.8.2019 : PBAPP WINS 2 GOLD AWARDS FOR OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH



1.8.2019 : MSOSH Awards 2018, One World Hotel, Bandar Utama
PBAPP TEAM WITH GUEST OF HONOUR, Y. B. DATO' MAHFUZ BIN OMAR (DEPUTY MINISTER OF HUMAN RESOURCES)